

**JAUHI SENGKETA BAHAGIA BERSAMA**  
(4 Januari 2019M/27 Rabiulakhir 1440H)

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا  
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا  
مُرْشِدًا.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَأُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ  
تَفْلِحُونَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَا كَانَ النَّاسُ إِلَّا أُمَّةً وَاحِدَةً فَاخْتَلَفُوا وَلَوْلَا كَلِمَةٌ سَبَقَتْ مِنْ  
رَبِّكَ لَقُضِيَ بَيْنَهُمْ فِي مَا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿١٩﴾

**Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa seterusnya berjaya serta selamat di dunia dan di akhirat.

Mimbar pada hari yang mulia ini akan membicarakan khutbah bertajuk:  
“Jauhi Sengketa, Bahagia Bersama”.

**Para tetamu Allah yang dikasihi,**

Firman Allah SWT di dalam surah *al-Rum* ayat 22:

وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتِلَافُ أَلْسِنَتِكُمْ وَالْوَنَاصِرُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ  
لِّلْعَالَمِينَ ﴿٢٢﴾

**Bermaksud:** “Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan kebijaksanaan-Nya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan”.

Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tarmizi daripada Abu Musa al-Ash‘ari RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى خَلَقَ آدَمَ مِنْ قَبْضَةٍ قَبَضَهَا مِنْ جَمِيعِ الْأَرْضِ، فَجَاءَ بَنُو آدَمَ عَلَى  
قَدْرِ الْأَرْضِ، فَجَاءَ مِنْهُمْ الْأَحْمَرُ وَالْأَبْيَضُ وَالْأَسْوَدُ، وَبَيْنَ ذَلِكَ وَالسَّهْلُ وَالْحَزْنُ  
وَالْحَبِيثُ وَالطَّيِّبُ

**Bermaksud:** “Sesungguhnya Allah SWT menciptakan Adam AS daripada satu genggam tanah yang diambil daripada tanah-tanah seluruh bumi, maka anak keturunan Adam lahir sesuai dengan kadar atau jenis tanah bumi, lalu ada di antara mereka yang berkulit merah, putih serta hitam dan ada di antara mereka yang bersifat lembut, kasar, buruk dan baik”.

Ayat al-Quran dan hadis ini menjelaskan bahawa kewujudan manusia itu terdiri dari pelbagai aspek sama ada keturunan, bahasa dan budaya. Bahkan wujud pelbagai watak yang membezakan antara seseorang dengan yang lain. Sesungguhnya, kepelbagaian adalah satu

keistimewaan dan kekuatan apabila saling menampung antara satu sama lain dan saling melengkapi. Tanpa nilai persefahaman, hormat-menghormati dan kasih sayang mana mungkin keharmonian bagi sebuah masyarakat dengan pelbagai latar belakang dapat diwujudkan. Justeru, hakikat kepelbagaian manusia merupakan sesuatu yang mesti diterima dan diraikan.

### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana masyarakatnya terdiri daripada berbilang kaum dan kepercayaan. Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tahun 2018, jumlah warganegara Malaysia dianggarkan seramai 29.06 juta penduduk iaitu 20.07 juta Bumiputra, 6.69 juta Cina, 2.01 juta India dan 0.29 juta lain-lain bangsa. Sikap toleransi yang diamalkan semenjak kemerdekaan adalah kunci utama keharmonian Malaysia.

Dengan pelbagai bangsa dan agama, setiap anggota masyarakat berperanan penting bagi memastikan perpaduan dapat dicapai. Setiap anggota masyarakat perlu meraikan aspek-aspek perbezaan yang wujud. Perkara-perkara seperti adat, ritual dan kepercayaan perlu difahami dengan baik dan dihormati. Masyarakat yang harmoni hanya dapat dilahirkan jika kita memahami antara satu sama lain tanpa wujud prasangka atau perselisihan yang boleh menimbulkan konflik atau sengketa.

### **Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Bagi menjaga keharmonian, perpaduan dan kestabilan negara, perkara-perkara berikut perlu diberikan perhatian:

**Pertama:** *Taaruf* iaitu saling berkenalan. Kepelbagaian kaum dan etnik di negara ini menuntut setiap anggota masyarakat untuk saling kenal mengenali. Firman Allah SWT di dalam surah *al-Hujurat* ayat 13:

يٰٓأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْفُسُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

**Bermaksud:** “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)”.

**Kedua:** *Tafahum* iaitu saling memahami. Tabiat manusia yang sentiasa berbeza pendapat dan sering berbalah menjelaskan lagi keperluan untuk saling faham memahami. Jauhi punca persengketaan seperti taksub, angkuh dan mementingkan diri sendiri. Fahamilah perbezaan nilai, maka akan wujud persefahaman, hormat-menghormati, kerjasama dan bertolak ansur.

**Ketiga:** *Ta’awun* iaitu saling membantu. Apabila anggota masyarakat saling kenal mengenali dan saling faham memahami maka mereka akan saling bantu membantu dan berkasih sayang. Sesungguhnya sikap saling bantu-membantu ke arah kebaikan dan takwa adalah perintah Allah SWT. Firman Allah SWT di dalam surah *al-Maidah* ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ

العقاب

**Bermaksud:** “Dan hendaklah kamu tolong-menolong untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu tolong-menolong pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya)”.

**Sidang jemaah yang dirahmati Allah,**

Apa yang berlaku di negara-negara yang masih bergolak seperti Iraq, Syria, Myanmar dan lain-lain seharusnya menjadi iktibar kepada kita semua. Kita seharusnya berhati-hati dalam meneliti sebarang propaganda, prasangka atau berita yang diterima tentang sesuatu kaum, agama dan sebagainya. Jauhilah perkara-perkara yang mengundang perselisihan serta perbalahan dan serulah kepada perpaduan dan kedamaian. Ingatlah bahawa seorang Muslim itu ialah mereka yang menjaga tutur kata, lidah dan tangannya. Sabda Rasulullah SAW sebagaimana riwayat Imam Al-Bukhari daripada Abdullah bin Amru bin Al-Ass RA.Huma:

المسلم من سلم المسلمون من لسانه ويده

**Bermaksud:** “Seorang Muslim ialah orang yang menyelamatkan kaum muslimin dari kejahatan lisan dan tangannya.”

**Sidang Jumaat yang dikasihi Allah**

Mengakhiri khutbah pada hari ini. Marilah kita menghayati beberapa kesimpulan:

**Pertama:** Manusia secara semula jadi dilahirkan dengan pelbagai warna kulit, bangsa, bahasa dan watak.

**Kedua:** Manusia dengan perbezaan agama, keturunan, bahasa dan budaya dituntut untuk saling kenal mengenali, faham memahami dan hormat-menghormati.

**Ketiga:** Perpaduan yang wujud dalam kalangan pelbagai kaum, bangsa dan agama dapat mewujudkan keharmonian dan kestabilan negara.

Firman Allah SWT di dalam surah *Hud* ayat 118-119:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَاحِدَةً ۗ وَلَا يَزَالُونَ مُخْتَلِفِينَ ﴿١١٨﴾ إِلَّا مَنْ رَحِمَ رَبُّكَ ۗ  
وَلِذَلِكَ خَلَقَهُمْ ۖ وَتَمَّتْ كَلِمَةُ رَبِّكَ لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ ﴿١١٩﴾

**Bermaksud:** “Dan kalaulah Tuhanmu (wahai Muhammad) menghendaki, tentulah Dia menjadikan umat manusia semuanya menurut agama yang satu. (Tetapi Dia tidak berbuat demikian) dan kerana itulah mereka terus-menerus berselisihan. Tetapi orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanmu, (mereka bersatu di dalam agama Allah); dan untuk tujuan (perselisihan dan rahmat) itulah Allah menjadikan manusia. Dan dengan yang demikian sempurnalah janji Tuhanmu: "Sesungguhnya Aku akan memenuhi neraka jahannam dengan sekalian jin dan manusia (yang berdosa)".

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهُ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُنَّ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَبِإِيَّاسِ الصَّالِحِيْنَ، وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِيْنَ، وَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى إِمَامِ الْمُرْسَلِيْنَ، وَقُدُوَّةِ النَّاسِ أَجْمَعِيْنَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِيْنُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، صَادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِيْنِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ، اتَّقُوا اللهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِيْنَ، وَحَافِظُوا عَلَى الطَّاعَةِ وَحُضُورِ الْجُمُعَةِ وَالْجَمَاعَةِ مَعَ الْمُصَلِّيْنَ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُهُ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيْهِ بِنَفْسِهِ وَتَنَّى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُقَرَّبِيْنَ. فَقَالَ اللهُ تَعَالَى مُخْبِرًا وَأَمْرًا بِالْمُؤْمِنِيْنَ :

إِنَّ اللهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيَّ،  
وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَسَائِرِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ  
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

وَأَيِّدِ اللَّهُمَّ بِالتَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ مُدِيرَ هَذِهِ الْبِلَادِ الْإِسْلَامِيَّةِ مَلِكَنَا كِبَاوَهَ دَوْلِي

يغ ما موليا سري فدوك بكيندا يغ دفتوان اكوخ ك-15 سلطان محمد ك-5.

اللَّهُمَّ أَطْلِ عُمُرَهُ مُصْلِحًا لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُ لِطَرِيقِ الْهُدَى  
وَالرَّشَادِ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيزِيَا وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيْبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً رَخِيَّةً، يَا رَوْوْفًا  
بِالْعِبَادِ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ وَحِينٍ، وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ  
الدِّينِ.

رَبَّنَا لَا تُرْغِ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ.  
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.



عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ

وَالْمُنْكَرِ وَابْغَىٰ يَعْظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ

يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ